

# Pelantikan satu cabaran baru — Kong Choy

UM 25 JUN 2003

**K**UALA LUMPUR 24 Jun — Datuk Chan Kong Choy menganggap pelantikannya sebagai Menteri Pengangkutan merupakan satu kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap keupayaan beliau.

Kong Choy berkata, pelantikan tersebut juga merupakan cabaran baru kepada beliau untuk terus berkhidmat dalam kerajaan dan kepada negara.

Ditanya sama ada pelantikan itu, seolah-olah menunjukkan beliau lebih membayangi Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, Kong Choy berkata, perkara itu tidak timbul sama sekali.

“Semua portfolio dalam kerajaan adalah penting. Bukan Kementerian Pengangkutan lebih baik daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,” katanya ketika ditemui pemberita di Lobi Parlimen di sini, hari ini.

Beliau juga berkata, jawatannya dalam MCA juga tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pelantikan itu memandangkan sebelum itu kementerian tersebut dipegang oleh Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

“Ia tiada kaitan dengan MCA. Semua ini ditentukan oleh Dr. Mahathir,” ujarnya.

Senator Datuk M. Kayveas pula memberitahu, sikap proaktif yang diamalkan sebelum ini akan diteruskan apabila memegang jawatan baru sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) nanti.

Jelasnya, sebagai pemimpin, sikap se-

demikian penting bagi membentuk pentadbiran yang lebih baik.

Tambah beliau, antara perkara yang akan terus diambil perhatian ialah memastikan tiada lagi penyalahgunaan kuasa berlaku oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, walaupun tidak terlibat secara langsung dengan pentadbiran serta operasi PBT, setiap undang-undang dan peraturannya masih di bawah bidang kuasa JPM.

Beliau menyifatkan perpindahan beliau dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai satu cabaran besar kerana JPM merupakan sebuah jabatan yang luas bidang kuasanya.

“Pengalaman selama 20 tahun sebagai seorang peguam akan saya gunakan di sini untuk manfaat semua pihak,” katanya lagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embass pula menyifatkan pertukarannya sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan sebagai satu tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan.

Tambahnya, ia akan memberi pengalaman baru dalam melaksanakan tugas-tugas yang perlu bagi jawatan tersebut.

“Pertukaran itu memberi pengalaman baru dalam meningkatkan mutu pengangkutan di negara ini,” katanya lagi.

Sementara itu, Datuk Dr. Ng Yen Yen berasa terharu dengan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri Kewangan II.

“Saya terharu kerana Perdana Men-

teri telah memberikan kepercayaan kepada wanita untuk memegang jawatan penting dalam Kementerian Kewangan,” katanya.

Yen Yen berkata, beliau berjanji akan memberikan khidmat yang terbaik seperti yang ditunjukkan semasa beliau menjadi Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pada masa yang sama, Ahli Parlimen Arau, Datuk Mastika Junaidah Husin berjanji akan mencurahkan baktinya dalam memajukan wanita di negara ini.

“Saya tidak menyangka akan menjadi pembantu kepada Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil. Bagaimanapun, saya menganggap ini satu penghargaan yang amat sentimental,” katanya.

Menurut Mastika, beliau merasakan penghargaan itu amat sentimental baginya kerana dilantik oleh Perdana Menteri, di saat-saat Dr. Mahathir akan bersara.

Mastika dilahirkan di Jalan Kuala Kurau, Perak pada 9 Mac 1954, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian daripada Universiti Putra Malaysia (ketika itu Universiti Pertanian Malaysia) pada tahun 1975.

Beliau mendirikan rumahtangga dengan Ramli pada tahun 1974 dan mempunyai dua orang anak, Riza Fahmi, 26, dan Julie Azlina, 25.

Mastika mula memegang jawatan dalam politik setelah dilantik sebagai Naib Ketua Wanita UMNO Negeri Perlis pada tahun 1984 dan kini memegang jawatan sebagai Ketua Wanita UMNO negeri itu sejak tahun 1996.